

# UPM tubuh akademi gabung tenaga pakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Akademi Hutan Hujan, institusi yang menggabungkan kepakaran tenaga penyelidikan di beberapa fakulti bagi membangunkan pangkalan data dan menyediakan khidmat perundingan profesional.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata antara lain akademi itu akan menjalankan kajian dalam bidang sistem ekologi, biodiversiti, pembangunan mapan dan pengetahuan Orang Asli.

Beliau berkata, Akademi Hutan Hujan atau Rainforest Academy ditubuhkan September lalu dan diketuai Pengarahnya, Prof Dr Syed Tajuddin Syed Hassan.

"UPM akan menubuhkan satu lagi akademi tahun ini, iaitu Akademi Sukan untuk menjadi 'think tank' bagi menyumbang kepakaran universiti ini bagi pembangunan sukan.

"Akademi Sukan menggabungkan kepakaran pensyarah UPM dari beberapa fakulti untuk membentuk satu kumpulan pakar yang bersedia memberi khidmat profesional kepada pihak luar.

"Akademi ini akan ditubuhkan dengan kerjasama atau pandangan daripada Persatuan Badminton Malaysia, Persatuan Golf Malaysia, Persatuan Ragbi Malaysia dan Persatuan Equine.

"Penubuhannya akan dikemukakan kepada Senat UPM dan jika diluluskan, kita akan menghantar permohonan kepada Kementerian Pendidikan," katanya baru-baru ini.

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM juga akan menubuhkan Sekolah Pengajian Alam Sekitar dengan menggabungkan tenaga pensyarah dari Fakulti Sains dan Alam Sekitar serta Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

Katanya, Jabatan Pengajian Alam Sekitar dalam Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar akan dimansuhkan dan pensyarahnya diletakkan dalam pentadbiran Sekolah Pengajian Alam Sekitar.

Beliau berkata, penubuhan sekolah itu bertujuan menjadikan pengajian alam sekitar di UPM lebih berfokus, iaitu kepada bidang alam sekitar tulen dan pengurusan alam sekitar.

"Menerusi penubuhan sekolah ini, bidang pengajian alam sekitar di UPM menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran alam sekitar dengan input seperti ilmu sains yang berkaitan. Kira-kira 40 pensyarah dari Jabatan Pengajian Alam Sekitar akan terbabit dalam struktur baru ini," katanya.

Dr Mohd Zohadie berkata, cadangan penubuhan Sekolah Pengajian Alam Sekitar akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan Senat.

Jika diluluskan, katanya, cadangan itu akan dihantar ke Kementerian Pendidikan untuk kelulusan rasmi.



**Dr Mohd Zohadie Bardaie**